

0.376

U. B456 DEB
PARLIMEN - PETRONAS.

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK MENJADIKAN PETRONAS SEBAGAI AGENSI PENGGERAK KEPADA PERTUMBUHAN PELBAGAI INDUSTRI SAMPINGAN PETROLEUM, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

SEJAJAR DENGAN DASAR PEMBANGUNAN NEGARA, SEKTOR SWASTA JUGA DIHARAP DAPAT BERKERJASAMA DAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI SAMPINGAN BERKENAAN, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MENJAWAB SOALAN ENCIK MOHAMAD SAM SAILAN (BN-MUAR) YANG MAHU TAHU SAMA ADA PETRONAS AKAN DIJADIKAN SEBAGAI PENGGERAK INDUSTRI SAMPINGAN TERSEBUT.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, PETRONAS TELAH MELABUR DI DALAM PELBAGAI PROJEK PETROLEUM PADA PERINGKAT HULUAN DAN JUGA HILIRAN SEPERTI PROJEK MENCARIGALI MINYAK MENTAH DAN MENAPIS MINYAK MENTAH SERTA AKAN JUGA MELABUR DI DALAM BEBERAPA PROJEK PETRO-KIMIA.

SECARA TIDAK LANSUNG PROJEK-PROJEK PADA PERINGKAT HULUAN DAN HILIRAN ITU TELAH MEWUJUDKAN PELBAGAI INDUSTRI SAMPINGAN, KATA BELIAU.

INI TERMASUK KHIDMAT KEJURUTERAAN DAN FABRIKASI LAPANGAN MINYAK DI PERINGKAT HULUAN DAN PENGEDAR-PENGEDAR BARANG-BARANG PETROLEUM PADA PERINGKAT HILIRAN, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1640MST 10 03 88